

1982

ALUR SETAR, 30 JULAI (BERNAMA)--DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERPENDAPAT GOLONGAN YANG SEKARANG MELAKUKAN PERBUAT-PERBUATAN YANG BERCANGGAH DENGAN ISLAM ADALAH KERANA MEREKA KECEWA TIDAK DAPAT SOKONGAN DARI RAKYAT.

PERDANA MENTERI BERKATA GOLONGAN TERSEBUT SANGGUP BERBUAT DEMIKIAN SEMATA-MATA UNTUK KEPENTINGAN POLITIK MEREKA WALAUPUN PERKARA-PERKARA TERSEBUT BERTENTANGAN DENGAN ISLAM.

+INI MENUNJUKKAN GOLONGAN TERSEBUT TIDAK TAKUT MELANGGAR AJARAN ISLAM UNTUK KEPENTINGAN SENDIRI KERANA JIKA MEREKA TAKUT TENTU MEREKA TIDAK MELAKUKANNYA,+ KATANYA KETIKA BERUCAP MERASMIKAN MESYUARAT PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN ALUR SETAR DI SINI HARI INI.

BELIAU BERHARAP PERISTIWA-PERISTIWA PAHIT SEPERTI SEMBAHAYANG DENGAN DUA IMAM SEPERTI YANG BERLAKU DI NEGERI TERENGGANU TIDAK AKAN BERULANG.

BELIAU MENYERU UMAT ISLAM SUPAYA SEDAR BETAPA PENTINGNYA PERPADUAN DI KALANGAN MEREKA UNTUK MENGELAK DARI BERLAKUNYA PERKARA-PERKARA YANG TIDAK DIINGINI. --LAGI 1530/MD

0557

MAHATHIR - ISLAM 2 ALUR SETAR

PERDANA MENTERI BERKATA PARTI PAS KINI MEMPUNYAI DASARNYA SENDIRI +PANDANG KE TIMUR+ TETAPI IA HANYA SETAKAT TERENGGANU SAJA KERAJA NIKMAT MINYAK YANG BANYAK DI NEGERI ITU.

KATANYA, +PAS SEDANG MENUMPUKAN PERHATIANNYA KE TERENGGANU BUKAN KERANA AKIDAH ISLAM TETAPI DISEBABKAN TUJUAN POLITIK MEREKA YANG TAMAK.+

PERDANA MENTERI BERKATA ANGGOTA-ANGGOTA PAS DI TERENGGANU TELAH LUPA DARATAN DAN SANGGUP BERBUAT APA SAJA WALAUPUN YANG LARI DARI AKIDAH ISLAM, ASALKAN TUJUAN POLITIK MEREKA TERCAPAI.

BELIAU JUGA KESAL DENGAN SIKAP ANGGOTA-ANGGOTA PAS DI NEGERI ITU YANG SANGGUP MENUNAIKAN FARDHU SEMBAHAYANG DI +KELAB-KELAB+ DAN TIDAK LAGI DI MESJID.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, +DALAM UMNO KITA TIDAK TAMAK SEBALIKNYA KITA PENTINGKAN SOAL RAKYAT DAN NEGARA DAN SEBAB ITU KITA DITERIMA SEBAGAI PERTI YANG MEMERINTAH.+ --LAGI 1533/MD

MAHATHIR - ISLAM 3 ALUR SETAR

KEMUDIAN, BERUCAP MERASMIKAN MESYUARAT PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN KUBANG PASU YANG BELIAU MENJADI KETUA, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PERCANGGAHAN ANTARA UMAT ISLAM DI NEGARA INI YANG TERJADI SEKARANG ADALAH BERPUNCA DARI WUJUDNYA PARTI PAS.

+SEBELUM PAS WUJUD, KITA TIDAK PERNAH DENGAR SOAL KAFIR-MENKAFIR, SEMBAHAYANG DUA IMAM ATAU MAYAT SESEORANG AHLI PAS TIDAK BOLEH DITANAM DI PERKUBURAN YANG SAMA DENGAN ORANG LAIN+, KATANYA.

BELIAU KESAL KERANA MASALAH-MASALAH YANG DITMBULKAN OLEH PAS SANGAT BERTENTANGAN DENGAN ISLAM.

+MALANGNYA, ADA PULA KALANGAN UMAT ISLAM YANG BOLEH TERPENGARUH DENGAN DAKYAH PARTI PAS,+ BELIAU MENAMBAH KATA.

PERDANA MENTERI MENGANGGAP PEMIMPIN-PEMIMPIN PAS MELAKUKAN PERBUATAN-PERBUATAN TERSEBUT KERANA MEREKA INGINKAN KUASA WALAUPUN MEREKA SENDIRI TAHUNIAH MEREKA ITU BURUK.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENJELASKAN BELIAU SENDIRI BUKAN ANTI-PAS TETAPI TIDAK SANGGUP MELIHAT PERBUATAN PEMIMPIN-PEMIMPIN-NYA SEOLAH-OLAH MEREKA TELAH HILANG KEPERCAYAAN TERHADAP ISLAM.

--BERNAMA 1540/MD

B567

MAHATHIR-ISLAM 4 ALUR STAR (SAMBUNGAN BERITA B558)

DI KUALA TRENGGANU, PERGERAKAN PEMUDA UMNO TRENGGANU MENYERU KERAJAAN SUPAYA MENGAMBIL TINDAKAN TEGAS TERHADAP PEMIMPIN-PEMIMPIN PAS YANG TERLIBAT MEMECAH BELAHKAN UMAT ISLAM DI NEGERI INI.

KETUA PERGERAKAN TERSEBUT, ENCIK ISMAIL SAID YANG JUGA ANGGOTA PARLIMEN KEMAMAN BERKATA TIDAK PERNAH BERLAKU DALAM SEJARAH NEGERI TRENGGANU RAKYATNYA BERSEBAHAYANG DENGAN DUA IMAM DALAM SEBUAH MASJID.

BENIH-BENIH PERPECAHAN YANG DISEMAI OLEH PAS TELAH MULAI TUMBUH DI BEBERAPA BUAH TEMPAT DI NEGERI INI DAN JIKA TIDAK DIKAWAL AKAN TERUS MEMBIAK, TEGASNYA.

--BERNAMA 1600/AN